

SINERGI KERAJAAN DAN INDUSTRI DALAM PERFILEMAN

KDN Sana Sini

Putrajaya, 10 Dis 2015: Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi tujuan memantapkan sinergi hubungan antara kerajaan dengan pihak industri perfileman telah menganjurkan Program Townhall Garis Panduan Asas Klasifikasi Filem bertempat di PICC, Putrajaya. Pelaksanaan program adalah berteraskan sesi permaufakatan antara Lembaga Penafis Filem (LPF) beserta rakan strategiknya dengan para penggiat seni tempatan meliputi perwakilan Pengarah dan Penerbit Filem, Stesen TV, Persatuan dan NGO keseluruhannya seramai 73 orang. Antaranya ialah Datuk Yusof Haslam (Skop Production), Datuk Suhaimi Baba (Imagine Pictures) dan Datuk David Teoh (MIG Production); dan program dirasmikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri II, YB Tuan Masir Kujat.

‘... tujuan sesi engagement hari ini adalah untuk mendapatkan pandangan dan maklumbalas serta komen daripada pihak industri filem, Persatuan-persatuan dan agensi kerajaan selaku strategic partners LPF mengenai draf Garis Panduan Asas Klasifikasi Filem ... sesi begini diyakini dapat membantu para penggiat seni perfileman dalam merancang kerja-kerja produksi sesebuah filem seperti ketika merangka skrip dan jalan cerita agar menepati prinsip penapisan yang ditetapkan LPF, sekaligus mengelak daripada berlakunya keputusan penapisan yang tidak memihak kepada pihak penerbit seperti tidak diluluskan untuk tayangan ...’

YB Tuan Masir Kujat

Timbalan Menteri Dalam Negeri II

Program ini merupakan siri permaufakatan ke-2 antara LPF dengan pihak industri iaitu selepas sesi Taklimat Panduan Penapisan Filem Stesen TV yang berlangsung pada 15 September 2015. Matlamat akhir program adalah bagi mencapai sinergi dan kesepakatan, sekaligus memuktamadkan draf garis panduan; dan seterusnya ke arah pengeluaran satu Garis Panduan Asas Klasifikasi Filem yang jelas dan komprehensif sebagai dokumen rujukan. Intipati draf oleh LPF yang telah mengambilkira kepelbagaian penonton (TV dan Pawagam) dari segi umur, agama dan kaum beserta prinsip penapisan yang telus bakal memudahkan lagi perancangan kerja produksi para penggiat seni mahu pun pihak LPF dalam membuat keputusan dan klasifikasi filem untuk tayangan.

Penetapan sebanyak empat prinsip utama dalam penapisan adalah berteraskan aspek Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Keagamaan, Sosio-budaya; dan Ketertiban dan Ketatasusilaan. Ianya adalah bertujuan untuk menghindari kewujudan anasir-anasir negatif memandangkan filem berkeupayaan memberi kesan kepada emosi penonton khususnya di kalangan remaja dan kanak-kanak. Selain itu keempat-empat aspek yang ditetapkan LPF juga merupakan ciri asas dalam pembentukan tatasusila dan budaya bangsa agar ianya sentiasa terpelihara serta berkembang sesuai dengan keperibadian nasional.

Inisiatif permaufakatan ini amat signifikan memandangkan LPF bertanggungjawab dalam memastikan semua filem dan bahan publisiti filem yang dibuat atau dikeluarkan untuk tayangan di Malaysia ditapis dan diluluskan terlebih dahulu. Untuk itu, satu Garis Panduan Asas Klasifikasi Filem baru telah disasar pengeluarannya pada tahun 2016 sebagai satu dokumen rujukan yang seragam dan rasmi. Pengeluaran garis panduan tersebut juga bakal mengurangkan jurang perbezaan kefahaman di antara penerbit filem amnya dan pihak industri khususnya terhadap peraturan yang ditetapkan pihak penapisan seperti pemaparan adegan, jalan cerita, tema, dialog, bahasa, dan sarikata; termasuklah dalam penentuan klasifikasi untuk tayangan.

Kesimpulannya, menerusi sesi Q & A siri permaufakatan ke-2, persepsi yang terbentuk di dalam industri filem tempatan bahawa telah berlakunya peraturan yang double standard terhadap produksi untuk tayangan di TV berbanding untuk tayangan di pawagam, serta wujudnya perbezaan pada do's & dont's yang dikenakan terhadap produksi filem tempatan berbanding filem-filem import dari luar negara telah berjaya dibincang dan diharmonikan. Justeru, sinergi yang dicapai melalui kedua-dua sesi permaufakatan didapati berkeupayaan melonjakkan lagi misi KDN melalui LPF dalam mentadbir urus penapisan filem serta melaksanakan penguatkuasaan dengan cekap dan berkesan.

© 2015, Ministry of Home Affairs

Source: <http://www.moha.gov.my/index.php/en/kdn-sana-sini/2560-sinergi-kerajaan-dan-industri-dalam-perfileman>